

**AKTA HIBURAN  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR)  
1992  
(AKTA 493)**


**KAEDAH-KAEDAH HIBURAN  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1993**

**P.U.(A) 259 / 1993**

---

**SENARAI PINDAAN :**

BIL.	NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)	TARIKH DIWARTAKAN	CATITAN
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			



MALAYSIA

Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 37  
No. 18

9hb September 1993

TAMBAHAN No. 50  
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 259.

AKTA HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR) 1992

KAEDAH-KAEDAH HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR) 1993

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 30 Akta *Akta 493* Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992, Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut;

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1993 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Oktober 1993. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“pameran filem sinematograf” ertinya suatu pameran gambar bergerak yang dihasilkan pada skrin dengan menggunakan radas sinematograf atau yang seumpamanya, dan termasuk penghasilan apa-apa muzik, ucapan atau apa-apa juga bunyi lain yang menyertai penayangan itu.

3. Tiap-tiap permohonan sesuatu lesen untuk membuka tempat hiburan dan sesuatu lesen hiburan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan— Permohonan lesen.

(a) butir-butir orang-orang yang berkénaan dalam peng-anjuran hiburan itu dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang demikian;

- (b) butir-butir mengenai orang-orang yang telah diundang untuk, atau telah bersetuju untuk, mengambil bahagian dalam hiburan itu, dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang demikian;
- (c) maksud yang kepadanya apa-apa keuntungan daripada hiburan itu dicadangkan hendak digunakan;
- (d) skrip lakonan itu; dan
- (e) jika mana-mana struktur sementara dikehendaki bagi maksud hiburan itu, maka pelan struktur demikian, kelulusan daripada pihak berkuasa yang relevan meluluskan pelan struktur demikian, dan perakuan daripada jurutera awam atau jurutera struktur yang memperakui bahawa struktur itu akan berada dalam keadaan baik bagi tempoh selama hiburan itu hendak diadakan.

Hiburan yang  
disediakan  
diestablisyen  
makanan yang  
dilesenkan.  
P.U. (A) 149/85

4. Seseorang yang menyediakan hiburan di suatu tempat yang telah dilesenkan oleh Dato Bandar di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1985 tidak perlu memohon lesen untuk membuka tempat hiburan tetapi dia hendaklah mendapatkan lesen hiburan.

Pemberian lesen

5. Jika permohonan lesen untuk membuka tempat hiburan atau lesen hiburan atau pembaharuan apa-apa lesen yang diberi, maka suatu lesen dalam Borang B Jadual Pertama hendaklah dikeluarkan semasa pembayaran—

(a) fee bagi lesen demikian; dan

(b) sejumlah wang yang ditentukan oleh Dato Bandar sebagai jaminan untuk memastikan pematuhan syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen dan peruntukan-peruntukan Akta atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya.

Tempoh lesen

6. Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini adalah sah bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Permohonan  
memperbaharui  
lesen

7. Sesuatu permohonan memperbaharui lesen hendaklah dibuat dalam Borang C Jadual Pertama.

Fee bagi lesen

8. (1) Fee yang kena dibayar bagi sesuatu lesen untuk membuka tempat hiburan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Fee yang kena dibayar bagi sesuatu lesen berkenaan dengan sesuatu hiburan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Pengecualian

9. (1) Hiburan atau kelas hiburan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat adalah dikecualikan daripada pembayaran fee lesen hiburan dan daripada pembayaran jaminan berkenaan dengan lesen demikian.

(2) Mana-mana orang boleh memohon kepada Dato Bandar bagi pengecualian daripada pembayaran fee lesen untuk membuka sesuatu tempat hiburan dan daripada pembayaran jaminan berkenaan dengan lesen demikian jika hiburan itu adalah satu yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(3) Setelah menimbang sesuatu permohonan yang dibuat di bawah subkaedah (2), Dato Bandar boleh, mengikut budi bicaranya, memberikan pengecualian daripada pembayaran fee lesen atau daripada pembayaran jaminan atau daripada pembayaran fee lesen atau jaminan demikian.

10. (1) Dato Bandar boleh, pada bila-bila masa, membatalkan sesuatu lesen untuk membuka tempat hiburan atau sesuatu lesen hiburan atau kedua-dua lesen demikian jika terdapat pelanggaran mana-mana daripada syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen atau lesen-lesen atau pelanggaran, atau ketakpatuhan, mana-mana peruntukan Akta atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya.

Pembatalan lesen  
atau lesen-lesen.

(2) Sebelum keputusan dibuat untuk membatalkan sesuatu lesen, Dato Bandar hendaklah memberikan kepada pemegang lesen suatu peluang untuk membuat representasi tentang kenapa lesennya tidak boleh dibatalkan.

(3) Jika Dato Bandar memutuskan untuk membatalkan sesuatu lesen, maka notis pembatalan itu hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta.

(4) Seseorang pemegang lesen yang telah disampaikan dengan notis pembatalan sesuatu lesen untuk membuka tempat hiburan atau notis pembatalan sesuatu lesen hiburan hendaklah, sebaik sahaja menerima notis demikian, menutup tempat hiburan itu dan menghentikan hiburan yang disediakan di dalamnya.

11. Seseorang pemegang lesen tempat hiburan hendaklah, pada setiap masa, menjaga kebersihan premis.

Kebersihan  
premis.

12. Seseorang pemegang lesen hendaklah mengawasi paras bunyi yang disebabkan oleh hiburan yang disediakan di dalam tempat hiburannya dan memastikan bahawa bunyi demikian tidak mewujudkan sesuatu kacau-ganggu.

Kacau-ganggu  
yang disebabkan  
oleh bunyi.

13. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

Kemudahan  
tandas.

(a) terdapat tandas yang berasingan bagi lelaki dan perempuan dan bahawa kemudahan tandas demikian diselenggara dalam keadaan baik dan dalam keadaan bersih pada setiap masa;

(b) tiap-tiap tandas dilengkapi dengan pili, baldi dan hos untuk memudahkan bersuci;

- (c) tiap-tiap tandas hendaklah, pada setiap masa, dilengkapi dengan kertas tandas, sabun atau bahan pencuci, tong sampah, dan pengering elektrik atau tuala bersih atau kertas tisu;
- (d) jika pencahaayaan asli tidak mencukupi, maka pencahaayaan buatan disediakan di dalam tiap-tiap tandas pada setiap masa; dan
- (e) bekalan air hendaklah ada pada setiap masa:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu hiburan itu diadakan di luar bangunan, maka pemegang lesen hendaklah menyediakan apa-apa kemudahan tandas sebagaimana dinyatakan dalam lesen.

(2) Subkaedah (1) tidaklah terpakai bagi pemegang lesen yang tempat hiburannya terletak dalam bangunan yang kemudahan tandas telah disediakan.

*Kelengkapan pertolongan cemas.*

14. Seseorang pemegang lesen hendaklah menyediakan di tempat hiburan itu suatu kotak pertolongan cemas yang secukupnya yang mengandungi pembalut dan alat-alat pertolongan cemas yang dinyatakan di bawah ini yang hendaklah, pada setiap masa, diselenggara dalam keadaan baik:

- (a) enam pembalut yang disteril, setiap satu berukuran tidak kurang daripada 7.6 sm. x 7.6 sm. bagi luka dan luka terbakar;
- (b) satu gulung kapas yang disteril tidak kurang daripada 300 gm.;
- (c) dua gulung kain pembalut, setiap satu berukuran tidak kurang daripada 7.6 sm. x 5.5 sm.;
- (d) tiga helai kain pembalut berbentuk segitiga;
- (e) satu gulung pengikat pembedahan berukuran 2.54 sm. x 2.74 sm.;
- (f) satu pasang gunting keluli tahan karat;
- (g) satu kotak pin keselamatan; dan
- (h) satu tiub krim antiseptik.

*Keselamatan orang awam.*

15. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) pembinaan premis, susunan tempat duduk, keperluan keperluan pasukan bomba, dan pepasangan pencahaayaan, elektrik, gantian-udara dan mekanikal adalah mengikut undang-undang yang berhubungan dengannya;
- (b) semua alat melawan api disenggara dengan wajar dan dalam keadaan boleh digunakan dengan baik; dan
- (c) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan, dan semua pintu keluar adalah sentiasa tidak ditutup pada setiap masa semasa waktu pengendalian.

16. Seseorang pemegang lesen hendaklah mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa terdapatnya gantian-udara yang secukupnya di tempat hiburan dan bahawa cara gantian-udara itu dijaga dalam keadaan boleh digunakan dengan baik pada setiap masa. Gantian-udara.
17. Tiada warung, gerai atau struktur lain boleh dibina di dalam tempat hiburan melainkan dibenarkan dan diluluskan oleh Dato Bandar. Pembinaan warung atau gerai.
18. Tiada warung, gerai atau struktur yang terletak dalam sesuatu tempat hiburan boleh digunakan bagi apa-apa tred, perniagaan, atau hiburan, atau sebagai establismen makanan, tanpa sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan tred, perniagaan, hiburan atau establismen makanan demikian. Pelesenan tred, perniagaan lain, dsb.
19. Tiada hiburan selain daripada yang dinyatakan dalam lesen hiburan boleh dibenarkan dalam tempat hiburan. Hiburan yang dibenarkan oleh lesen.
20. Bilangan mesin bagi mana-mana permainan yang dibenarkan dalam tempat hiburan tidak boleh melebihi bilangan yang dinyatakan dalam lesen. Bilangan mesin yang dibenarkan.
21. Seseorang pemegang lesen tidak boleh membenarkan lebih daripada bilangan orang yang dinyatakan dalam lesen untuk memasuki atau berada di dalam sesuatu tempat hiburan. Bilangan orang yang dibenarkan.
22. Tiada hiburan yang luah boleh dibenarkan di dalam mana-mana tempat hiburan. Hiburan yang luah.
23. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pelaku-pelaku dalam sesuatu hiburan berpakaian sopan. Pakaian.
24. Tiada orang yang mabuk boleh dibenarkan memasuki atau berada di dalam mana-mana tempat hiburan. Orang yang mabuk dilarang.
25. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada pertaruhan, loteri atau perjudian sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 atau Ordinan Pertaruhan 1953 dijalankan dalam sesuatu tempat hiburan. Tiada pertaruhan atau perjudian dibenarkan.  
Akta 289.  
Ord. 47/1953.
26. Tiada radas yang berupaya membuat pelarasan boleh digunakan dalam apa-apa permainan untuk mengubah peluang seseorang pemain daripada mencapai tujuannya. Dilarang manipulasi.
27. Seseorang pemegang lesen hendaklah hanya mengendalikan sesuatu tempat hiburan dalam masa yang dinyatakan oleh Dato Bandar dalam lesen. Masa bagi mengendalikan sesuatu tempat hiburan.

Tiada bir atau  
minuman yang  
memabukkan  
boleh  
dihadangkan.

*Akta 176.*

Dato Bandar  
boleh  
menyatukan had  
umur pelanggan.

Kanak-kanak  
di bawah umur  
dua belas tahun  
hendaklah  
disertai oleh  
orang dewasa.

Pemansuhan.  
*G.N. 1109/1938.*

28. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada bir atau minuman yang memabukkan dihidangkan atau diminum di dalam sesuatu tempat hiburan melainkan suatu lesen minuman keras telah dikeluarkan kepadanya oleh Lembaga Pelesen yang ditubuhkan di bawah Akta Eksais 1976.

29. (1) Dato Bandar boleh, mengikut budi bicaranya, menyatakan umur minimum orang-orang yang boleh melanggani sesuatu tempat hiburan.

(2) Tiada seorang pun di bawah umur yang dinyatakan oleh Dato Bandar boleh dibenarkan untuk memasuki atau berada di tempat hiburan itu.

(3) Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan suatu notis yang mengandungi maklumat yang dinyatakan dalam perenggan (2) di pintu masuk sesuatu tempat hiburan.

30. Jika kanak-kanak di bawah umur dua belas tahun dibenarkan untuk memasuk sesuatu tempat hiburan, maka pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa kanak-kanak demikian disertai oleh seorang dewasa.

31. Kaedah-Kaedah Panggung dan Tempat Hiburan Awam 1937 adalah dimansuhkan berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

#### JADUAL PERTAMA

##### Borang A

(Kaedah 3)

#### AKTA HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1992

KAEDAH-KAEDAH HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR)  
1993

#### PERMOHONAN LESEN

##### BAHAGIAN I: BUTIR-BUTIR PEMOHON

1. Nama Pemohon: .....
2. No. Kad Pengenalan: ..... 3. No. Pasport: .....  
Warna: .....
4. Warganegara: ..... 5. Bangsa: .....
6. Alamat: .....  
.....
7. No. Telefon: .....
8. Jawatan dalam Syarikat/Pertubuhan: .....  
.....
9. Nama Syarikat/Pertubuhan: .....
10. Jumlah Modal (jika berkenaan): RM .....

11. Alamat Syarikat/Pertubuhan (jika berlainan daripada No. 6): .....  
.....  
.....
12. No. Pendaftaran Perniagaan/Syarikat (jika berkenaan): .....  
.....
13. Tarikh Pendaftaran: .....
14. Tarikh Habis Tempoh: .....

**BAHAGIAN II: BUTIR-BUTIR PERMOHONAN**

**A. PERMOHONAN LESEN UNTUK MEMBUKA TEMPAT HIBURAN**

1. Alamat: .....
- .....
2. Jenis Premis:  
(i) Rumah Kedai  No. Tingkat: .....  
(ii) Kompleks Membeli-belah  No. Tingkat: .....  
(iii) Lain-lain (nyatakan) .....
3. Kedudukan Premis:  
 Tengah  
 Tepi  
 Berasingan
4. Luas Lantai: .....meter persegi.
5. Pemunyaan:  
 Pemunya  
 Penyewa
6. Jenis Hiburan: .....
7. Waktu Pengendalian: Dari ..... hingga .....
8. Tempoh Lesen: .....

**B. PERMOHONAN LESEN HIBURAN**

No.	Nama/Tempat Hiburan	JENIS HIBURAN				
		Muzik	Nyanyian	Tarian	Pameran filem Sinematograf	Lain-lain (nyatakan)

1. Adakah artis luar negeri terlibat? Ya  Tidak   
Jika ya, sertakan salinan visa/permit kerja berkenaan dengan setiap artis itu.
2. Jumlah bilik (jika ada): .....  
Muatan tempat duduk: .....
3. Bilangan mesin karaoke/kiddy rides/mesin video: .....

4. Tempoh Hiburan (Tarikh): Dari ..... hingga .....
5. (i) Masa hiburan: ..... hingga .....,  
..... hingga .....,  
..... hingga .....
- (ii) Bilangan hiburan sehari/semalam/sebulan:  
.....
- (iii) Nyatakan bilangan tiket bagi jualan/tiket hadiah:  
tiket bagi jualan .....  
tiket hadiah .....

## 6. Maksud hiburan:

- |   |                             |                                |
|---|-----------------------------|--------------------------------|
| (i) Komersil  | Ya <input type="checkbox"/> | Tidak <input type="checkbox"/> |
| (ii) Bukan komersil<br>(seperti dalam Jadual Keempat) | Ya <input type="checkbox"/> | Tidak <input type="checkbox"/> |

Jika untuk maksud bukan komersil, nyatakan nama dan alamat penuh penerima yang dicadangkan dan surat perakuan penerima yang dicadangkan.

Nama: .....

Alamat: .....

## BAHAGIAN III: AKUAN

Saya/kami .....

No. Kad Pengenalan: ..... dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan di atas adalah betul dan benar.

*Tandatangan pemohon*

## BAHAGIAN IV: ARAHAN

1. Sila penuhkan Borang ini dengan huruf besar.
2. Tandakan  dalam kotak-kotak yang berkenaan.
3. Potong mana-mana yang tidak berkenaan.
4. Kembalikan Borang ini berserta dengan dokumen-dokumen yang berikut (jika berkenaan):
  - (i) (a) Memorandum dan Artikel Persatuan, dan Borang 49 (penyata yang memberikan butir-butir dalam Daftar Pengerah, Pengurus dan Perubahan Butiran) mengikut Akta Syarikat 1965.
  - (b) Borang A (Pendaftaran Perniagaan) atau Borang B (Pendaftaran Pertukaran Perniagaan) dan Borang D (Akuan Pendaftaran Perniagaan) mengikut Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.
  - (ii) 5 salinan pelan lantai dan lokasi premis.
  - (iii) Surat persetujuan/pengesahan daripada pemunya tanah atau bangunan itu.
  - (iv) 1 salinan kad pengenalan.
  - (v) 1 sampul surat berukuran 9" x 4" dan 2 keping setem tiga puluh sen.
  - (vi) 2 keping gambar premis (1 keping gambar yang diambil dari luar dan 1 keping gambar yang diambil dari dalam).

**Borang B**

(Kaedah 5)

**AKTA HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1992**KAEDAH-KAEDAH HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR)  
1993**\*LESEN UNTUK MEMBUKA TEMPAT HIBURAN/LESEN HIBURAN**

Dengan ini suatu lesen dikeluarkan kepada.....  
..... yang tinggal di.....

\*untuk membuka suatu tempat bagi maksud mengadakan suatu.....  
.....(nyatakan jenis hiburan)/untuk menjalankan  
suatu.....(nyatakan jenis hiburan) di .....  
.....selama.....\*hari/tahun mulai dari..... hingga.....

Lesen ini tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (i) Bahawa tiada pertunjukan boleh dimulakan sebelum.....
- (ii) Bahawa tiada pertunjukan boleh diteruskan selepas.....
- (iii) Bahawa tidak lebih daripada..... orang boleh  
dibenarkan masuk pada bila-bila masa ke tempat hiburan.
- (iv) Bahawa.....pintu dan.....jalan keluar  
disediakan.
- (v) Bahawa pengawasan-pengawasan berikut dipatuhi:
  - (a) .....
  - (b) .....
- (vi) + .....

Fee bagi \*lesen untuk membuka tempat hiburan/lesen hiburan ialah RM.....

.....  
*Dato Bandar Kuala Lumpur*

Bertarikh .....

- \* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.
- + Masukkan syarat-syarat lanjut, jika ada.

**Borang C**

(Kaedah 7)

**AKTA HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1992**KAEDAH-KAEDAH HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR)  
1993**PERMOHONAN MEMBAHARUI LESEN****BAHAGIAN I: BUTIR-BUTIR PEMOHON**

1. Nama Pemohon:.....
  2. No. Kad Pengenalan: ..... No. Pasport: .....
- Warna: .....

4. Warganegara: ..... 5. Bangsat: .....
6. Alamat: .....
7. No. Telefon: .....
8. Jawatan dalam Syarikat/Pertubuhan: .....
9. Nama Syarikat/Pertubuhan: .....
10. Jumlah Modal (jika berkenaan): RM .....
11. Alamat Syarikat/Pertubuhan (jika berlainan daripada No. 6): .....
12. No. Pendaftaran Perniagaan/Syarikat (jika berkenaan): .....
13. Tarikh Pendaftaran: .....
14. Tarikh Habis Tempoh: .....

## BAHAGIAN II: BUTIR-BUTIR PERMOHONAN

**A. PERMOHONAN MEMPERBAHARUI LESEN UNTUK MEMBUKA TEMPAT HIBURAN**

1. Alamat: .....
2. Luas Lantai: ..... meter persegi.
3. Pemunyaan:  Pemunya  Penyewa
4. Jenis Hiburan: .....
5. Waktu Pengendalian: Dari..... hingga.....
6. Tempoh Lesen: .....

**B. PERMOHONAN MEMPERBAHARUI LESEN HIBURAN**

No.	Nama/Tempat Hiburan	JENIS HIBURAN				
		Muzik	Nyanyian	Tarian	Pameran filem Sinematograf	Lain-lain (nyatakan)

1. Adakah artis luar negeri terlibat?: Ya  Tidak   
Jika ya, sertakan salinan visa/permit kerja berkenaan dengan setiap artis tersebut.
2. Jumlah bilik (jika ada): .....  
Muatan tempat duduk: .....
3. Bilangan mesin karaoke/kiddy rides/mesin video: .....
4. Tempoh Hiburan (Tarikh): Dari..... hingga.....  
(i) Masa hiburan: ..... hingga.....  
..... hingga.....  
..... hingga.....

(ii) Bilangan hiburan sehari/semalam/sebulan:

(iii) Nyatakan bilangan tiket bagi jualan/tiket hadiah:

tiket bagi jualan .....

tiket hadiah .....

6. Maksud hiburan:

(i) Komersil

Ya

Tidak

(ii) Bukan Komersil  
(seperti dalam Jadual  
Keempat)

Ya

Tidak

Jika untuk maksud bukan komersil, nyatakan nama dan alamat penuh penerima yang dicadang dan surat perakuan penerima yang dicadangkan.

Nama: .....

Alamat: .....

BAHAGIAN III: AKUAN

Saya/kami.....

No. Kad Pengenalan: ..... dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diberi di atas adalah betul dan benar.

*Tandatangan pemohon*

BAHAGIAN IV: ARAHAN

1. Sila penuhkan Borang ini dengan huruf besar.
2. Tandakan  dalam kotak-kotak yang berkenaan.
3. Potong mana-mana yang tidak berkenaan.
4. Kembalikan Borang ini berserta dengan dokumen-dokumen yang berikut (jika berkenaan):
  - (i) Borang D (Akuan Pendaftaran Perniagaan) mengikut Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.
  - (ii) 5 salinan pelan lantai dan lokasi premis.
  - (iii) Surat persetujuan/pengesahan daripada pemunya tanah atau bangunan itu.
  - (iv) 1 salinan kad pengenalan.
  - (v) 2 sampul surat berukuran 9" x 4" dan 2 keping setem tiga puluh sen.
  - (vi) 2 keping gambar premis (1 keping gambar yang diambil dari luar dan 1 keping gambar yang diambil dari dalam).
  - (vii) Salinan lesen untuk membuka tempat hiburan/lesen hiburan yang dahulu.

**JADUAL KEDUA**  
**FEE BAGI LESEN UNTUK MEMBUKA TEMPAT HIBURAN**  
[Subkaedah 8(1)]

	Setahun RM	Sehari RM
(1) Oditorium/Dewan		
(i) Tidak melebihi 200 kerusi	400.00	—
(ii) Melebihi 200 kerusi tetapi tidak melebihi 400 kerusi	800.00	—
(iii) Melebihi 400 kerusi tetapi tidak melebihi 600 kerusi	1,000.00	—
(iv) Melebihi 600 kerusi tetapi tidak melebihi 800 kerusi	1,400.00	—
(v) Melebihi 800 kerusi tetapi tidak melebihi 1,000 kerusi	1,600.00	—
(vi) Melebihi 1,000 kerusi tetapi tidak melebihi 1,200 kerusi	1,800.00	—
(vii) Melebihi 1,200 kerusi	2,000.00	—
(viii) Lesen sementara	—	10.00
(2) Panggung Wayang/Panggung		
(i) Tidak melebihi 200 kerusi	400.00	—
(ii) Melebihi 200 kerusi tetapi tidak melebihi 400 kerusi	900.00	—
(iii) Melebihi 400 kerusi tetapi tidak melebihi 600 kerusi	1,100.00	—
(iv) Melebihi 600 kerusi tetapi tidak melebihi 800 kerusi	1,550.00	—
(v) Melebihi 800 kerusi tetapi tidak melebihi 1,000 kerusi	1,800.00	—
(vi) Melebihi 1,000 kerusi tetapi tidak melebihi 1,200 kerusi	2,000.00	—
(vii) Melebihi 1,200 kerusi	2,200.00	—
(viii) Lesen sementara	—	20.00
(3) Pusat Hiburan (Dalam Bangunan)		
(i) Luas lantai tidak melebihi 30 meter persegi	300.00	—
(ii) Luas lantai melebihi 30 meter persegi tetapi tidak melebihi 60 meter persegi	500.00	—
(iii) Luas lantai melebihi 60 meter persegi tetapi tidak melebihi 90 meter persegi	800.00	—
(iv) Luas lantai melebihi 90 meter persegi	1,100.00	—
(4) Pusat Hiburan/Taman Hiburan (Luar Bangunan)	—	10.00
(5) Lorong Boling	1,100.00	—
(6) Gelanggang Luncur	1,000.00	—

		<i>Setahun RM</i>	<i>Sehari RM</i>
(7)	Mesin Hiburan (Kiddy Rides/Juke Box) di tempat selain daripada Pusat Hiburan	20.00 setiap mesin	—
(8)	Dewan Tarian/Disko/Kabaret:		
	(i) Luas lantai tidak melebihi 30 meter persegi	400.00	—
	(ii) Luas lantai melebihi 30 meter persegi tetapi tidak melebihi 60 meter persegi	600.00	—
	(iii) Luas lantai melebihi 60 meter persegi tetapi tidak melebihi 90 meter persegi	900.00	—
	(iv) Luas lantai melebihi 90 meter persegi	1,200.00	—
	(v) Kabaret melebihi 90 meter persegi	2,200.00	—
(9)	Dewan Biliard/Snuker:		
	(i) Tidak melebihi 5 meja	500.000	—
	(ii) Melebihi 5 meja tetapi tidak melebihi 10 meja	1,000.00	—
	(iii) Melebihi 10 meja tetapi tidak melebihi 20 meja	1,500.00	—
	(iv) Melebihi 20 meja tetapi tidak melebihi 30 meja	2,000.00	—
	(v) Melebihi 30 meja tetapi tidak melebihi 40 meja	2,500.00	—
	(vi) Melebihi 40 meja tetapi tidak melebihi 50 meja	3,000.00	—
	(vii) Melebihi 50 meja	50.00 bagi setiap meja tambahan	
(10)	Stadium:		
	(i) Tidak melebihi 1,000 kerusi	400.00	—
	(ii) Melebihi 1,000 kerusi	800.00	—
	(iii) Lesen sementara	—	50.00
(11)	Ruang Legar/Dewan/Tempat Terbuka yang digunakan bagi pameran:		
	(i) Luas lantai tidak melebihi 100 meter persegi	100.00	—
	(ii) Luas lantai melebihi 100 meter persegi tetapi tidak melebihi 150 meter persegi	200.00	—
	(iii) Luas lantai melebihi 150 meter persegi tetapi tidak melebihi 200 meter persegi	300.00	—
	(iv) Luas lantai melebihi 200 meter persegi	500.00	—
	(v) Lesen sementara	—	10.00

**JADUAL KETIGA**  
**FEE BAGI LESEN HIBURAN**

[Subkaedah 8(2)]

1. Biliard/Snuker	RM10.00 setiap meja sebulan
2. Boling .	RM5.00 setiap lorong sebulan
3. Pameran Filem Sinematograf:	
(i) Dalam panggung/panggung wayang	RM5.00 setiap pertunjukan
(ii) Di tempat terbuka	RM5.00 sehari
4. Sarkas:	
(i) Pertunjukan pertama	RM5.00
(ii) Pertunjukan yang berikutnya	RM2.50 setiap pertunjukan
5. Hiburan dengan Mesin Hiburan:	
(i) Kiddy rides	RM2.00 setiap mesin sebulan
(ii) Mesin video	RM5.00 setiap mesin sebulan
6. Hiburan di Pub/Coffee House/ Lounge/Disko/Dewan Tarian:	
(i) Muzik dan nyanyian	RM4.00 sehari sehingga pukul 12.00 tengah malam dan se- lepasnya caj tambahan se- banyak RM4.00
(ii) Tarian	RM4.00 sehari sehingga pukul 12.00 tengah malam dan se- lepasnya caj tambahan se- banyak RM10.00
7. Pameran	RM5.00 setiap gerai sehari
8. Pertunjukan Fesyen oleh Artis Profesional/Pertandingan Ratu Cantik:	RM10.00 setiap artis/peserta sehari
9. Pesta ria	RM2.00 setiap gerai sehari
10. Hiburan Juke Box	RM10.00 setiap mesin sebulan
11. Pertunjukan Patung	RM5.00 sehari
12. Apa-apa hiburan di luar kuil	RM5.00 sehari
13. Apa-apa hiburan lain	RM10.00 sehari

**JADUAL KEEMPAT**

[Kaedah 9]

1. Apa-apa hiburan bagi maksud pendidikan yang disediakan oleh mana-mana sekolah, universiti, maktab, Persatuan Guru dan Ibu Bapa, kumpulan guru atau murid.
2. Apa-apa sukan atau permainan yang bertaraf amatur yang disediakan oleh sesuatu pertubuhan atau badan.
3. Apa-apa hiburan yang disediakan oleh mana-mana jabatan kerajaan, badan berkanun, pertubuhan, orang, kelab, persatuan, organisasi, jawatankuasa atau institusi bagi maksud agama, kebijakan atau khairat dan bukan untuk kepentingan wang, tetapi tidak termasuk hiburan di luar bangunan kuil.

Dibuat pada 23hb Julai 1993.  
 [JHEU<sup>2</sup>, 60/92; PN. (PU<sup>2</sup>) 526.]

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,  
*Perdana Menteri*

**ENTERTAINMENT (FEDERAL TERRITORY OF  
KUALA LUMPUR) ACT 1992**

**ENTERTAINMENT (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR)  
RULES 1993**

IN exercise of the powers conferred by section 30 of the Entertainment (Federal Territory of Kuala Lumpur) Act 1992, the *Act 1993* Minister makes the following rules:

1. These rules may be cited as the **Entertainment (Federal Territory of Kuala Lumpur) Rules 1993** and shall come into Citation and commencement. force on the 1st October 1993.
2. In these Rules, unless the context otherwise requires— Interpretation.  
 “exhibition of cinematographic film” means an exhibition of moving pictures produced on a screen by means of a cinematographic or other similar apparatus, and includes the production of any music, speech, noise or other sound whatsoever, which accompanies the projection.
3. Every application for a licence to open a place of entertainment and for an entertainment licence under these Rules shall be made in Form A of the First Schedule and shall be accompanied with— Application for licences.
  - (a) particulars of persons concerned in the promotion of the entertainment and the interests represented by such persons;
  - (b) particulars of persons who have been invited to, or have agreed to, participate in the entertainment, and the interests represented by such persons;
  - (c) the purposes to which any profits from the entertainment are intended to be applied;
  - (d) the script of the play; and
  - (e) where any temporary structure is required for the purpose of the entertainment, the plan of such structure, the approval from the relevant authority approving such structure, and the certificate of a civil engineer or structural engineer certifying that the structure will be sound for the period during which the entertainment is to be held.
4. A person providing an entertainment in a place that has been licensed by the Commissioner under the Licensing of Food Establishments (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-Laws 1985 need not apply for a licence to open a place of entertainment but he shall be required to obtain an entertainment licence. Entertainment provided in licensed food establishment.  
P.U. (A) 149/85

**Grant of licence.** 5. Where an application for a licence to open a place of entertainment or for an entertainment licence or for a renewal of such licence is granted, a licence in Form B of the First Schedule shall be issued upon payment of—

- (a) the fees for such licences; and
- (b) such sum of money as the Commissioner may determine as security for the due observance of the conditions or restrictions of the licences and the provisions of the Act or rules made thereunder.

**Duration of licence.** 6. A licence issued under these Rules shall be valid for a period not exceeding three years.

**Application for renewal of licence.** 7. An application for renewal of a licence shall be made in Form C of the First Schedule.

**Fees for licences.** 8. (1) The fees payable for a licence to open a place of entertainment shall be as set out in the Second Schedule.

(2) The fees payable for a licence in respect of an entertainment shall be as set out in the Third Schedule.

**Exemption.** 9. (1) The entertainment or class of entertainment specified in the Fourth Schedule shall be exempt from payment of the entertainment licence fee and from payment of security in respect of such licence.

(2) Any person may apply to the Commissioner for an exemption from payment of the licence fee to open a place of entertainment and from payment of security in respect of such licence where the entertainment is one specified in the Fourth Schedule.

(3) After considering an application made under subrule (2), the Commissioner may, at his discretion, grant an exemption from payment of the licence fee or from payment of security or from payment of such licence fee and security.

**Revocation of licence or licences.** 10. (1) The Commissioner may, at any time, revoke a licence to open a place of entertainment or an entertainment licence or both such licences if there is a breach of any of the conditions or restrictions of the licence or licences or a contravention of, or non-compliance with, any of the provisions of the Act or any rules made thereunder.

(2) Before a decision is made to revoke a licence, the Commissioner shall give to the licensee an opportunity to make representations as to why his licence shall not be revoked.

(3) Where the Commissioner decides to revoke a licence, the notice of revocation shall be served on the licensee as provided under the Act.

(4) A licensee who has been served with a notice of revocation of a licence to open a place of entertainment or a notice of revocation of an entertainment licence shall, immediately upon receipt of such notice, close the place of entertainment and stop the entertainment provided therein.

11. A licensee of a place of entertainment shall, at all times, keep his place of entertainment clean. Cleanliness of premises.

12. A licensee shall monitor the sound level caused by the entertainment provided in his place of entertainment and ensure that such sound does not create a nuisance. Nuisance caused by sound.

13. (1) A licensee shall ensure that—

Toilet facilities.

- (a) there are separate toilet facilities for males and females and that such toilet facilities are maintained in good condition and in a state of cleanliness at all times;
- (b) every toilet is equipped with a tap, a pail and a hose to facilitate cleansing;
- (c) every toilet shall, at all times, be equipped with toilet paper, soap or detergent, refuse bin, and an electric dryer or clean towels or tissue paper;
- (d) where natural lighting is insufficient, artificial lighting is provided in every toilet at all times; and
- (e) there shall be water supply at all times:

Provided that where an entertainment is held outdoors, the licensee shall provide such toilet facilities as may be specified in the licence.

(2) Subrule (1) shall not apply to a licensee whose place of entertainment is situated in a building where toilet facilities have been provided.

14. A licensee shall provide at the place of entertainment a proper first aid box containing the first aid dressings and appliances specified hereunder which shall, at all times, be maintained in good condition: First aid equipment.

- (a) six sterilized dressings, each measuring not less than 7.6 cm. x 7.6 cm. for wounds and burns;
- (b) one roll of sterilized cotton wool of not less than 300 grams;
- (c) two roller bandages, each measuring not less than 7.6 cm. x 5.5 cm.;
- (d) three triangular bandages;
- (e) one roll of surgical strapping measuring 2.54 cm. x 2.74 cm.;

- (f) one pair of stainless steel scissors;
- (g) one box of safety pins; and
- (h) one tube of antiseptic cream.

Safety of public. 15. A licensee shall ensure that—

- (a) the construction of the premises, seating arrangements, fire service requirements, and lighting, electrical, ventilation and mechanical installations are in accordance with the laws relating thereto;
- (b) all fire fighting equipment are properly maintained and are in good working condition; and
- (c) all staircases, passages, landings and exits are clear of obstruction, and all exits are kept unfastened at all times during operating hours.

Ventilation. 16. A licensee shall take steps to ensure that there is adequate ventilation at the place of entertainment and that the means of ventilation is kept in good working condition at all times.

Erection of booth or stall. 17. No booth, stall or other structure shall be erected in a place of entertainment unless permitted and approved by the Commissioner.

Licensing of other trade, business, etc. 18. No booth, stall or structure situated in a place of entertainment shall be used for any trade, business, or entertainment, or as a food establishment, without a licence issued under the laws relating to such trade, business, entertainment or food establishment.

Entertainment permitted by the licence. 19. No entertainment other than that specified in the entertainment licence shall be permitted in the place of entertainment.

Number of machines permitted. 20. Not more than the number of machines for any game as specified in the licence shall be allowed in the place of entertainment.

Number of persons permitted. 21. A licensee shall not allow more than the number of persons specified in the licence to be admitted into or to remain in a place of entertainment.

Obscene entertainment. 22. No obscene entertainment shall be allowed in any place of entertainment.

Dressing. 23. A licensee shall ensure that the performers in an entertainment are decently dressed.

Intoxicated person prohibited. 24. No intoxicated person shall be allowed to enter or to remain in any place of entertainment.

25. A licensee shall ensure that no betting, lottery or gaming as defined in the Common Gaming Houses Act 1953 and Betting Ordinance 1953 is carried out in a place of entertainment. *No betting and gambling allowed. Act 289. Ord. 47/1953.*

26. No apparatus which is capable of adjustment shall be used in any game so as to vary the chances of a player attaining his object. *Manipulation prohibited.*

27. A licensee shall only operate a place of entertainment within the hours specified by the Commissioner in the licence. *Time for operating a place of entertainment.*

28. A licensee shall ensure that no beer or intoxicated drink is served or consumed in a place of entertainment unless he has been issued with a liquor licence by a Licensing Board established under the Excise Act 1976. *No beer or intoxicated drink to be served. Act 176.*

29. (1) The Commissioner may, at his discretion, specify the minimum age of persons who may patronise a place of entertainment. *Commissioner may specify age limit of patrons.*

(2) No person below the age specified by the Commissioner shall be permitted to enter or to remain at the place of entertainment.

(3) A licensee shall exhibit a notice containing the information specified in paragraph (2) at the entrance of a place of entertainment.

30. Where children under the age of twelve years are allowed to be admitted into a place of entertainment, the licensee shall ensure that such children are accompanied by an adult. *Children under twelve to be accompanied by adult.*

31. The Theatres and Places of Public Amusement Rules 1937 is repealed in respect of the Federal Territory of Kuala Lumpur. *Repeal. G.N. 1109/1938.*

#### FIRST SCHEDULE

##### Form A

(Rule 3)

#### ENTERTAINMENT (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) ACT 1992

#### ENTERTAINMENT (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) RULES 1993

#### APPLICATION FOR LICENCE

##### PART I: PARTICULARS OF APPLICANT

1. Name of Applicant: .....
2. Identity Card No.: ..... 3. Passport No.: .....
- Colour: .....
- Citizenship: ..... 5. Nationality: .....

6. Address: .....  
.....  
.....
7. Telephone No.: .....
8. Designation in the Company/Organization: .....
9. Name of Company/Organization: .....
10. Total Capital (if applicable): RM.....
11. Address of Company/Organization (if different from No. 6):  
.....  
.....
12. Registration No. of Business/Company (if applicable):  
.....
13. Date of Registration: .....
14. Date of Expiry: .....

**PART II: DETAILS OF APPLICATIONS****A. APPLICATION FOR LICENCE TO OPEN A PLACE OF ENTERTAINMENT**

1. Address: .....
- .....  
.....
2. Type of Premises:
- (i) Shop house  Floor No. ....
- (ii) Shopping Complex  Floor No.: .....
- (iii) Others (state) .....
3. Position of the premises:  Intermediate  
 Corner  
 Detached
4. Floor Area: .....sq. metres
5. Ownership:  Owner  Tenant
6. Type of Entertainment: .....
7. Time of Operation: From.....to.....
8. Duration of Licence: .....

**B. APPLICATION FOR ENTERTAINMENT LICENCE**

No.	Name/Place of Entertainment	Type of Entertainment				
		Music	Singing	Dancing	Exhibition of Cinematograph film	Others (state)

1. Is any foreign artiste engaged? Yes  No

If yes, attach copy of visa/work permit in respect of each artiste.

2. Total number of rooms (if any): .....
- Seating capacity: .....

3. Number of karaoke machines/kiddy rides/video machines: .....
4. Period of entertainment (Dates): From.....  
to.....
5. (i) Times of entertainment: ..... to.....  
..... to.....  
..... to.....
- (ii) Number of entertainments per day/per night/per month:  
.....
- (iii) State number of tickets for sale/complimentary tickets;  
tickets for sale.....  
complimentary tickets.....
6. Purpose of entertainment:
- |  |                              |                             |
|--|------------------------------|-----------------------------|
| (i) Commercial                                 | Yes <input type="checkbox"/> | No <input type="checkbox"/> |
| (ii) Non-commercial<br>(as in Fourth Schedule) | Yes <input type="checkbox"/> | No <input type="checkbox"/> |

If for non-commercial purpose, state full name and address of proposed recipient and letter of certification of proposed recipient.

Name: .....

Address: .....

#### PART III: DECLARATION

I/We .....

Identity Card No.: ..... hereby declare that all the information given above is correct and true.

.....  
(Applicant's signature)

#### PART IV: INSTRUCTIONS

1. Please complete this Form in block letters.
2. Tick  in the relevant boxes.
3. Delete whichever is not applicable.
4. Return this Form together with the following documents (where applicable):
  - (i) (a) Memorandum and Articles of Association, and Form 49 (return giving details in Register of Directors, Managers and Change of Particulars) in accordance with the Companies Act 1965.
  - (b) Form A (Business Registration) or Form B (Registration of Change of Business) and Form D (Business Registration Declaration) in accordance with the Registration of Businesses Act 1956.
  - (ii) 5 copies of the floor and location plans of the premises.
  - (iii) Letter of consent/confirmation from the owner of the land or building.
  - (iv) 1 copy of identity card.
  - (v) 2 envelopes measuring 9" x 4" and 2 thirty sen stamps.
  - (vi) 2 photographs of the premises (1 copy of a photograph taken from the outside and 1 copy of a photograph taken from the inside).

## Form B

(Rule 5)

ENTERTAINMENT (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR)  
ACT 1992ENTERTAINMENT (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR)  
RULES 1993\*LICENCE TO OPEN A PLACE OF ENTERTAINMENT/  
ENTERTAINMENT LICENCE

A licence is hereby issued to .....  
living at .....

\*to open a place for the purpose of holding a ..... (state the type of entertainment)/  
to carry on a ..... (state the type of entertainment)  
at .....  
for ..... \*days/year with effect from.....  
to .....

This licence is subject to the following conditions:

- (i) That no performance shall commence before.....
- (ii) That no performance shall continue after.....
- (iii) That no more than.....persons shall be admitted at any time into the place of entertainment.
- (iv) That.....door and.....exits be provided.
- (v) That the following precautions be observed:
  - (a) .....
  - (b) .....
- (vi) + .....

The fee for \*the licence to open a place of entertainment/entertainment licence is  
RM.....

.....  
*Commissioner of the City of  
Kuala Lumpur*

Dated this.....day of.....19.....

- \* Delete whichever is not applicable.
- + Insert further conditions, if any.

## Form C

(Rule 7)

ENTERTAINMENT (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR)  
ACT 1992ENTERTAINMENT (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR)  
RULES 1993

## APPLICATION FOR RENEWAL OF LICENCE

## PART I: PARTICULARS OF APPLICANT

1. Name of Applicant:.....
2. Identity Card No.: ..... 3. Passport No.: .....
- Colour: .....

4. Citizenship: ..... 5. Nationality: .....
6. Address: .....  
.....  
.....  
..... 7. Telephone No.: .....
8. Designation in the Company/Organization: .....
9. Name of Company/Organization: .....
10. Total Capital (if applicable): RM .....
11. Address of Company/Organization (if different from No. 6):  
.....
12. Registration No. of Business/Company (if applicable):  
.....
13. Date of Registration: .....
14. Date of Expiry: .....

**PART II: DETAILS OF APPLICATIONS**

**A. APPLICATION FOR RENEWAL OF LICENCE TO OPEN A PLACE OF ENTERTAINMENT**

1. Address: .....
- .....
2. Floor Area: ..... sq. metres.
3. Ownership:  Owner  Tenant
4. Type of Entertainment: .....
5. Time of Operation: From ..... to .....
6. Duration of Licence: .....

**B. APPLICATION FOR RENEWAL OF ENTERTAINMENT LICENCE**

No.	Name/Place of Entertainment	Type of Entertainment				
		Music	Singing	Dancing	Exhibition of Cinematograph film	Others (state)

1. Is any foreign artiste engaged? Yes  No

If yes, attach copy of visa/work permit in respect of each artiste.

2. Total number of rooms (if any): .....  
Seating capacity: .....
3. Number of karaoke machines/kiddy rides/video machines: .....
4. Period of entertainment (Dates): From ..... to .....

5. (i) Times of entertainment: ..... to.....  
 ..... to.....  
 ..... to.....

(ii) Number of entertainments per day/per night/per month:  
 .....

(iii) State number of tickets for sale/complimentary tickets:  
 tickets for sale.....  
 complimentary tickets.....

6. Purpose of entertainment:

(i) Commercial Yes  No

(ii) Non-commercial Yes  No   
 (as in Fourth Schedule)

If for non-commercial purpose, state full name and address of proposed recipient and letter of certification of proposed recipient.

Name: .....

Address: .....

PART III: DECLARATION

I/We .....

Identity Card No.: ..... hereby declare that all the information given above is correct and true.

.....  
*Applicant's signature*

PART IV: INSTRUCTIONS

1. Please complete this Form in block letters.
2. Tick  in the relevant boxes.
3. Delete whichever is not applicable.
4. Return this Form together with the following documents (where applicable):
  - (i) Form D (Business Registration Declaration) in accordance with the Registration of Businesses Act 1956.
  - (ii) 5 copies of the floor and location plans of the premises.
  - (iii) Letter of consent/confirmation from the owner of the land or building.
  - (iv) 1 copy of identity card.
  - (v) 2 envelopes measuring 9" x 4" and 2 thirty sen stamps.
  - (vi) 2 photographs of the premises (1 copy of a photograph taken from the outside and 1 copy of a photograph taken from the inside).
  - (vii) Copy of previous licence to open a place of entertainment/entertainment licence.

**SECOND SCHEDULE**  
**FEE FOR LICENCE TO OPEN A PLACE OF ENTERTAINMENT**  
[Subrule 8(1)]

	<i>Per Annum</i> RM	<i>Per day</i> RM
(1) Auditorium/Hall		
(i) Not exceeding 200 seats	400.00	—
(ii) Exceeding 200 seats but not exceeding 400 seats	800.00	—
(iii) Exceeding 400 seats but not exceeding 600 seats	1,000.00	—
(iv) Exceeding 600 seats but not exceeding 800 seats	1,400.00	—
(v) Exceeding 800 seats but not exceeding 1,000 seats	1,600.00	—
(vi) Exceeding 1,000 seats but not exceeding 1,200 seats	1,800.00	—
(vii) Exceeding 1,200 seats	2,000.00	—
(viii) Temporary licence	—	10.00
(2) Cinema/Theatre		
(i) Not exceeding 200 seats	400.00	—
(ii) Exceeding 200 seats but not exceeding 400 seats	900.00	—
(iii) Exceeding 400 seats but not exceeding 600 seats	1,100.00	—
(iv) Exceeding 600 seats but not exceeding 800 seats	1,550.00	—
(v) Exceeding 800 seats but not exceeding 1,000 seats	1,800.00	—
(vi) Exceeding 1,000 seats but not exceeding 1,200 seats	2,000.00	—
(vii) Exceeding 1,200 seats	2,200.00	—
(viii) Temporary licence	—	20.00
(3) Amusement Centre (Indoor)		
(i) Floor area not exceeding 30 square metres	300.00	—
(ii) Floor area exceeding 30 square metres but not exceeding 60 square metres	500.00	—
(iii) Floor area exceeding 60 square metres but not exceeding 90 square metres	800.00	—
(iv) Floor area exceeding 90 square metres	1,100.00	—
(4) Amusement Centre/Amusement Park (Outdoor)	—	10.00
(5) Bowling Alley	1,100.00	—
(6) Skating Rink	1,000.00	—

	<i>Per Annum</i> RM	<i>Per day</i> RM
(7) Amusement Machines (Kiddy Rides/ Juke Boxes) in places other than in Amusement Centres	20.00 per machine	—
(8) Dance Hall/Discotheque/Cabaret		
(i) Floor area not exceeding 30 square metres	400.00	—
(ii) Floor area exceeding 30 square metres but not exceeding 60 square metres	600.00	—
(iii) Floor area exceeding 60 square metres but not exceeding 90 square metres	900.00	—
(iv) Floor area exceeding 90 square metres	1,200.00	—
(v) Cabaret exceeding 90 square metres	2,200.00	—
(9) Billiards/Snooker Saloon		
(i) Not exceeding 5 tables	500.000	—
(ii) Exceeding 5 tables but not exceeding 10 tables	1,000.00	—
(iii) Exceeding 10 tables but not exceeding 20 tables	1,500.00	—
(iv) Exceeding 20 tables but not exceeding 30 tables	2,000.00	—
(v) Exceeding 30 tables but not exceeding 40 tables	2,500.00	—
(vi) Exceeding 40 tables but not exceeding 50 tables	3,000.00	—
(vii) Exceeding 50 tables	50.00 for each additional table	—
(10) Stadium		
(i) Not exceeding 1,000 seats	400.00	—
(ii) Exceeding 1,000 seats	800.00	—
(iii) Temporary licence	—	50.00
(11) Lobby/Hall/Open Place used for exhibition:		
(i) Floor area not exceeding 100 square metres	100.00	—
(ii) Floor area exceeding 100 square metres but not exceeding 150 square metres	200.00	—
(iii) Floor area exceeding 150 square metres but not exceeding 200 square metres	300.00	—
(iv) Exceeding 200 square metres	500.00	—
(v) Temporary licence	—	10.00

## THIRD SCHEDULE

## FEE FOR ENTERTAINMENT LICENCE

[Subrule 8(2)]

1. Billiards/Snooker	RM10.00 per table per month
2. Bowling	RM5.00 per lane per month
3. Exhibition of Cinematograph Film:	
(i) In theatre/cinema	RM5.00 per show
(ii) In open space	RM5.00 per day
4. Circus:	
(i) First show	RM5.00
(ii) Subsequent show	RM2.50 per show
5. Entertainment with Amusement Machines:	
(i) Kiddy rides	RM2.00 per machine per month
(ii) Video machines	RM5.00 per machine per month
6. Entertainment in Pub/Coffee House/ Lounge/Discotheque/Dance Hall:	
(i) Music and singing	RM4.00 per day until 12 a.m. and thereafter an additional charge of RM4.00
(ii) Dancing	RM4.00 per day until 12 a.m. and thereafter an additional charge of RM10.00
7. Exhibition	RM5.00 per stall per day
8. Fashion Show by Professional Artistes/Beauty, Contest	RM10.00 per artiste/contestant per day
9. Funfair	RM2.00 per stall per day
10. Juke Box Entertainment	RM10.00 per machine per month
11. Puppet Show	RM5.00 per day
12. Any entertainment outside a temple	RM5.00 per day
13. Any other entertainment	RM10.00 per day

## FOURTH SCHEDULE

[Rule 9]

1. Any entertainment for educational purposes provided by any school, university, college, Parents and Teachers Association, group of teachers or students.
2. Any amateur sport or game provided by a society or body.
3. Any entertainment provided by any government department, statutory body, society, person, club, association, organization, committee or institution for religious, welfare or charitable purposes and not for pecuniary profit, but does not include an entertainment outside a temple building.

Made the 23rd July 1993.

[JHEU<sup>2</sup>: 60/92; PN. (PU<sup>2</sup>) 526.]DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,  
Prime Minister